


LAPORAN AKTIVITI BULANAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
BAGI BULAN OKTOBER 2021

**1. MESYUARAT JAWATANKUASA KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT
BIL.17/2021**


Unit Pengurusan Prestasi telah menjadi urus setia bagi Mesyuarat Kelulusan Juruaudit Bil.17/2021 yang diadakan pada 13 Oktober 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang. Calon yang terlibat pada Mesyuarat kali ini adalah empat (4) orang.



Pengerusi



Wakil Panel




Calon - calon yang terlibat

2. TAKLIMAT VERIFIKASI DAN PENGESAHAN BAKI ASET BUKAN KEWANGAN

Unit Pengurusan Aset di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Taklimat Verifikasi dan Pengesahan Baki Aset Bukan Kewangan secara atas talian pada 20 Oktober 2021 dari jam 8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari.

Taklimat ini disampaikan oleh Puan Anis Nabilah Amirulan, Ketua Unit Pengurusan Aset, Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Seramai 180 orang pegawai dari pelbagai PTJ di Pulau Pinang telah mengikuti taklimat ini. Taklimat ini dijalankan secara atas talian melalui aplikasi 'Lifesize' berikutan norma baharu.

Taklimat ini dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pihak PTJ berkenaan tatacara tindakan verifikasi aset bukan kewangan yang perlu dilaksanakan sebagai dokumen sokongan kepada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.



Penceramah memberi taklimat secara atas talian


3. TAKLIMAT REFRESHER GAJI KEPADA PTJ DI PULAU PINANG

Unit Gaji di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Taklimat Refresher Gaji Kepada PTJ Di Pulau Pinang secara atas talian pada 21 Oktober 2021 dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.


Taklimat ini disampaikan oleh Puan Shalina binti Raizali dan Puan Nur Amirah binti Ahmad Juhari dari Unit Gaji, Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Seramai 119 orang pegawai dari PTJ di Pulau Pinang telah mengikuti program ini. Taklimat ini dijalankan secara atas talian 'Lifesize' berikutan norma baharu.



Penceramah memberi taklimat secara atas talian



Penceramah memberi tunjukajar sistem HCM secara atas talian



Penceramah memberi tunjukajar cara mengisi borang berkaitan potongan dan penambahan gaji pegawai



Sebahagian peserta yang terlibat

4. KONVENSYEN KIK JANM 2021

Kumpulan KIK JANM Pulau Pinang telah menyertai konvensyen KIK JANM 2021. Seramai 10 orang ahli dan seorang fasilitator telah mewakili JANM Pulau Pinang bagi pertandingan tersebut. Konvensyen tersebut telah diadakan di atas talian menerusi aplikasi Lifesize pada 25 Oktober 2021, dari jam 8.30 - 4.30 petang.

Kumpulan KIK JANM Pulau Pinang telah diberi nama kumpulan S-Wave dan projek yang dipertandingkan adalah berkenaan Sistem Bank Soalan Lazim i-Quest.



Peserta yang terlibat dengan KIK dari JANMPP